# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

02 FEB 2017
KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| THE STAR | DOWNPOURS HELP TO FILL JOHOR DAMS | 2 |
| NEW STRAITS TIMES | SISTERS FACE TOUGH LIFE AFTER LEAVING ORPHANAGE | 3 |
| UTUSAN MALAYSIA | DUA BERADIK KEHILANGAN IBUBAPA TABAH HARUNGI HIDUP | 4 |
| SINAR HARIAN | NUR ATIKAH SELAMAT PULANG | 5 |
| HARIAN METRO | BAGAI KEMBALI ‘BERNYAWA’ | 6 |



# THE STAR

# Downpours help to fill Johor dams

## This will help us store more water and maybe avoid scheduled water rationing, says SAJ

By ZAZALI MUSA
zaza@thestar.com.my

STAR 2/2/17

**JOHOR BARU:** Heavy rain during the current monsoon season has brought relief as three dams in Pasir Gudang, Kota Tinggi and Mersing are now filled to the brim.

SAJ Holdings Sdn Bhd corporate communications head Jamaluddin Jamil said they were Sungai Layang dam in Masai, Pasir Gudang, Sungai Lebam dam in Kota Tinggi and Congok dam in Mersing.

"If we can store more raw water in the three dams ahead of dry months, we could avoid the scheduled water rationing (SWR) exercise practised back in 2015 and 2016," said Jamaluddin when contacted on Tuesday.

He said downpours in the last week of last month also resulted in higher water levels at most rivers in the state; hence SAJ could conduct raw water transfer project from the rivers into the dams.

Jamaluddin said that there were 44 water intakes in the state comprising dams and rivers and that all water levels at the dams and the rivers had stabilised.

"In fact, some of the dams and the rivers overflowed during the downpour and we had to release the water," he added.

Jamaluddin said SAJ was fully prepared in case the water level at the dams and the rivers was low during the dry season and would ensure minimum inconvenience to consumers.

SAJ implemented the SWR exercise for 641,495 domestic and industrial consumers in three districts from Aug 16 to Sept 15, 2015.

The one-month long exercise was implemented following the water levels at the Sungai Layang dam in Masai, Pasir Gudang and Sungai Lebam dam in Kota Tinggi reaching critical levels.

The Sungai Layang dam supplies water to 575,000 users in Pasir Gudang and Masai, mostly industrial users, and parts of Johor Baru.

The Sungai Lebam dam channels water to about 664,495 users in Mukim Tanjung Surat, Mukim Pantai Timur and parts of Kota Tinggi.

The month-long SWR was extended until Dec 30, 2015 due to the critical water levels at both dams and normal water supply resumed on Dec 31 that year.

The SWR started in Kota Tinggi and Mersing on April 18, 2016, affected 85,000 consumers after water levels at the four water treatment plants in the two districts reached critical stage.

The plants involve those in Lok Heng and Sungai Gembut in Kota Tinggi, and Sungai Mersing and Tenglu in Mersing.

The month-long exercise was extended until end of the third week of October last year and normal water supply in the two districts resumed on the last week of October 2016.



# NEW STRAITS TIME

NST 2/2/17

ORPHANS

## Sisters face tough life after leaving orphanage

**PASIR GUDANG:** It has not been easy for a pair of orphaned sisters who made the decision to live on their own after being placed at an orphanage three years ago.

Norshazuahaniza Hanim Mohamad Esam, 19, a Form Six student at SMK Pasir Gudang 2, is taking care of her younger sister, Norshazreen Haniza Hanis, 16.

They are struggling to concentrate on their studies, while settling their late father's loan for their house.

Their mother, Khatijah Ibrahim, died of diabetes six years ago. Their father, Mohamad Esam Ibrahim, an armed forces sergeant, also died of the disease three years ago.

"Losing both parents made me more mature. I learned how to be independent and take care of not only myself, but my sister, too.

"I'm grateful to have a sister. We support each other in difficult times," Norshazuahaniza said.

The sisters lived at Darul Hanan Orphanage here since their father's death in 2014.

When Norshazuahaniza turned 18 last year, she could no longer stay at the orphanage and opted to move back to her late father's house in Taman Scientex, here, and took Norshazreen with her.

That also meant they needed to pay a RM650 monthly instalment.

"On top of the loan, we need to fork out money for utilities, food and other necessities. That's why I worked as a salesperson during the last school holidays.

"I must work or I will not be able to further my studies after the Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia," Norshazuahaniza said.

She scored 6As in her Sijil Pelajaran Malaysia examination.

Norshazreen, whose ambition is to be a chef, is also a top scorer as she scored 5As in her Form Three Assessment.

Pasir Gudang member of parliament Datuk Normala Abdul Samad, who had visited the sisters, said she would help them to obtain aid from the Welfare Department and state Islamic Religious Council.

She said she would look into other options for the sisters to settle their late father's housing loan.



*Pasir Gudang member of parliament Datuk Normala Abdul Samad (centre) handing over aid to Norshazuahaniza Hanim Mohamad Esam (right). With them is Norshazreen Haniza Hanis.* PIC BY MOHD AZREN JAMALUDIN



# UTUSAN MALAYSIA

## Dua beradik kehilangan ibu bapa tabah harungi hidup

**PASIR GUDANG 1 Feb.** – Seorang pelajar berusia 19 tahun bukan sahaja memikul tanggungjawab sebagai kakak, malah turut menjadi 'ibu dan bapa' bagi adiknya yang berusia 16 tahun.

Norshazuahaniza Hanim Mohamad Esam mula memikul tanggungjawab itu selepas kehilangan ayahnya, Mohamad Esam Haron pada 2014 setelah ibunya, Khatijah Ibrahim pergi terlebih dahulu pada 2011.

Dia yang merupakan pelajar Tingkatan Enam Atas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang 2 berkata, ibu dan bapanya meninggal dunia akibat penyakit kencing manis kronik.

"Setelah ibu dan ayah tiada, saya perlu berdikari bukan sahaja bagi menguruskan diri, malah juga adik saya, Norshazreen Haniza yang kini tinggal di rumah Persatuan Kebajikan Darul Hanan Johor Bahru, di sini.

"Mujurlah ayah dahulu bekerja sebagai tentera. Jadi, kehidupan saya dan adik ditanggung sepenuhnya menggunakan wang pencen sebanyak RM1,300 sebulan ketika ini," katanya ditemui di kediaman keluarganya di Taman Scientex, di sini kelmarin.

Norshazuahaniza Hanim berkata, wang pencen itu juga digunakan untuk membayar sewa rumah RM650 sebulan selain membeli barangan keperluan harian untuk mereka berdua.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak khususnya saudara-mara dan jiran yang terus membantu dan memberi sokongan kepada kami," katanya yang mahu menjadi seorang kakitangan kerajaan suatu hari nanti.

Adiknya, Norshazreen Haniza amat berterima kasih dengan pengorbanan yang dilakukan kakaknya bagi menguruskan kehidupan mereka.

"Saya amat menghormati dan berterima kasih kepada kakak kerana membantu menjaga saya setelah ketiadaan ibu dan ayah," katanya yang bercita-cita menjadi pereka fesyen atau chef.

Sementara itu, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad yang mengunjungi dua beradik berkenaan berjanji akan membantu termasuk memastikan mereka dapat meneruskan pendidikan.

"Saya akan membantu mereka untuk membuat permohonan bagi mendapatkan bantuan kebajikan sama ada menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ataupun Baitulmal," katanya.



**NORMALA ABDUL SAMAD (tengah) menyampaikan sumbangan kepada dua beradik yatim piatu, Norshazuahaniza Hanim Mohamad Esam (kanan) dan Norshazreen Haniza (kiri) di Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.**



# SINAR HARIAN

SH 2/2/2017

## Nur Atikah selamat pulang

**Hilang sejak 26 Januari lalu selamat kembali ke pangkuan keluarga kira-kira jam 5 pagi, semalam**

AZIZAN INCHE HARUN

**PASIR GUDANG** - Seorang gadis yang dilaporkan hilang sejak 26 Januari lalu selamat pulang ke pangkuan keluarga kira-kira jam 5 pagi, semalam.

Nur Atikah Mohd Sharin, 21, dijemput bapanya di Balai Polis Tenggara selepas diserahkan oleh seorang wanita yang dikatakan menemuinya dalam keadaan kebingungan kira-kira jam 8.45 malam Rabu lalu.

Bapanya, Mohd Sharin Mahmood, 50, mendakwa, Nur Atikah seolah-olah dipukau seorang lelaki yang menawarkan peluang pekerjaan kepadanya sebelum ditinggalkan di sebuah pasaraya di Kulai tujuh hari lalu.

Menurutnya, wanita berkenaan segera menyerahkan Nur Atikah ke Balai Polis Tenggara selepas mengetahui situasi sebenar mengenai kehilangan anak tunggal sepasang suami isteri dari Pasir Gudang yang disiarkan di media cetak dan elektronik, semalam.

"Saya terkejut sebaik melihat nombor Nur Atikah di skrin telefon bimbit yang menghubungi kerana sudah enam hari ia tidak aktif.

"Selepas itu panggilan disusuli dari pihak polis yang meminta kami mengambil Nur Atikah di Balai Polis Tenggara selepas diserahkan keluarga angkat yang menemuinya di sebuah pasaraya pada 26 Januari lalu," katanya pada sidang media di Pejabat Parlimen Pasir Gudang, di sini, semalam.

Mohd Sharin berkata, Nur Atikah yang sebelum ini suka bergurau masih mendiamkan diri sebagaimana seperti yang diceritakan keluarga angkat yang menemui anaknya.

Menurutnya, penemuan itu sangat melegakannya kerana enam hari kehilangan anak tunggalnya itu benar-benar membuatkan hidupnya bersama isteri, Suraya Ngadiran, 50, tidak keruan.

"Kami sangat bersyukur dan gembira anak ditemui selamat kerana sehari tak tengok muka Nur Atikah pun dah cukup rindu dan setiap kali menyuap nasi pasti akan ingatkan dia.

"Saya nak ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutama Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad, pihak media dan keluarga angkat yang menjaga anak saya dengan baik," katanya.

Sementara itu, Normala berkata, anak-anak remaja dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dan tidak mudah terikut dengan ajakan orang yang tidak dikenali.

"Syukur kerana ALLAH kabulkan doa ibu bapa ini untuk bertemu anaknya kembali dan saya sangat hargai kerjasama yang diberikan semua pihak media dalam perkara ini.

"Pesan saya kepada anak muda supaya mengambil langkah keselamatan dan tidak mudah mengikut orang tidak dikenali," katanya.

*Sinar Harian* semalam melaporkan mengenai kehilangan seorang gadis selepas dihantar bapanya ke tempat kerja di Taman Kota Masai pada 26 Januari lalu.



Mohd Sharin dan Suraya memeluk erat anaknya selepas ditemui selamat, semalam.

# HARIAN METRO

SUSULAN GADIS HILANG

Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

HM - 2/2/17

# Bagai kembali 'bernyawa'

## ■ *Lelaki bersama isteri bersyukur zuriat hilang Jumaat lalu ditemui selamat*

**Pasir Gudang**

"Saya seperti mendapat nyawa apabila dapat bertemu kembali dengan Nur Atikah dan bersyukur kepada Allah kerana dipertemukan dengan anak dalam keadaan selamat," kata Mohd Sharin Mahmood, 49, semalam.

Mohd Sharin berkata, ketika menunaikan solat Isyak jam 10 malam kelmarin, dia menerima panggilan daripada anaknya, Nur Atikah, 21, memaklumkan dirinya dalam keadaan selamat.

Menurutnya, tidak lama selepas itu dia menerima panggilan daripada pihak polis memaklumkan anaknya berada di Balai Polis Tenggara, Kulai.

"Ketika itu, saya baru mengangkat tangan untuk berdoa pada waktu Isyak, tiba-tiba telefon bimbit berdering, hati saya sungguh gembira apabila yang menelefon saya adalah Atikah.

"Berkali-kali saya tanya Atikah ada di mana namun anak saya cuma maklum dia sihat sebelum mematikan telefon.

"Tidak lama kemudian, saya menerima panggilan daripada Balai Polis Bandar Tenggara memaklumkan Atikah berada di balai berkenaan sebelum kami sekeluarga bergegas ke sana," katanya.

Mohd Sharin berkata demikian pada sidang media di Pejabat UMNO Bahagian Pasir Gudang di sini, semalam yang turut disertai Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abd Samad.

Mohd Sharin berkata, dia juga sempat bertemu dengan wanita yang mendakwa menjaga Atikah sejak Khamis lalu di rumahnya di Bandar Tenggara.

"Wanita itu memaklumkan kepada saya dia terjumpa Atikah kira-kira jam 8.45 malam, Khamis lalu di hadapan sebuah pasar raya di Kulai, dekat sini dalam keadaan kebingungan.

"Saya kemudian bertanya kenapa dia tidak membuat laporan polis sejurus menemui Atikah, namun wanita itu mendakwa dia simpati melihat keadaan anaknya seolah-olah tidak tentu arah.

"Wanita itu memaklumkan dia membawa balik Atikah ke rumahnya di Bandar Tenggara untuk menjaganya sebelum melihat berita kehilangan Atikah tersebar menerusi media, malam tadi (kelmarin)," katanya.

Mohd Sharin berkata, wanita itu kemudian menghantar Atikah ke Balai Polis Bandar Tenggara, jam 10 malam.

"Saya berterima kasih kepada wanita itu kerana menjaga Atikah, namun masih keliru mengapa dia tidak membuat laporan polis dan perbuatannya menimbulkan pelbagai kekeliruan.

"Saya dan isteri akan membawa Atikah membuat pemeriksaan perubatan, selain membuat pemulihan cara tradisional.

"Setakat ini, Atikah maklum kepada saya bahawa dia dibawa seorang lelaki pada Khamis lalu sebelum meninggalkannya di sebuah pasar raya di Kulai di sini, namun kami kurang pasti apa motif lelaki itu mahupun identitinya," katanya.

Akhbar ini, semalam melaporkan, pasangan suami isteri meminta bantuan ramai mengesan anak perempuan tunggal, Nur Atikah Mohd Sharin, 21, yang menghilangkan diri sejak 26 Januari lalu dari tempat kerja di Jalan Tembikai, Taman Kota Masai, di sini.

Bapanya, Mohd Sharin Mahmood, 49, berkata, kali terakhir dia bertemu anaknya pada 9.45 pagi iaitu ketika menghantar Nur Atikah ke tempat kerja.

Pasangan itu membuat laporan polis di Balai Polis Taman Pasir Putih pada 27 Januari lalu meminta bantuan orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan Nur Atikah supaya menghubungi mereka.

**FAKTA**
*Atikah ditemui seorang wanita di sebuah pasar raya di Kulai*




LAPORAN Harian Metro, semalam

MOHD Sharin (tengah) memeluk isterinya, Suraya Ngadiran dan Nur Atikah yang ditemui selepas enam hari hilang

